

02/01/1997

Maju Holdings tidak tanggung hutang Perwaja

KUALA TERENGGANU, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan Maju Holdings, yang terbabit dalam pengambilalihan 51 peratus ekuiti dalam Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja) tidak akan dibebankan dengan hutang yang ditanggung oleh syarikat keluli milik kerajaan itu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yang berpendapat Maju perlu meneruskan usaha menguruskan Perwaja tidak harus menanggung hutang sedia ada kerana tindakan membebarkannya dengan hutang yang banyak akan menyebabkan Maju terpaksa menanggung hutang sampai bila-bila.

"Struktur ekuiti dan kedudukan kerugian dalam Perwaja akan dipisahkan di antara satu sama lain.

"Usaha memulihkan Perwaja hendaklah dimulakan dengan Maju bebas daripada tanggungan hutang dan kerugian itu akan ditanggung oleh kerajaan," katanya kepada pemberita selepas majlis makan malam dengan ahli Parlimen dan ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri di kediaman rasmi Menteri Besar di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan berusaha mendapatkan gantian kerugian itu melalui punca lain.

Perwaja kini menanggung kerugian RM6 bilion dan sebelum ini Maju dikatakan perlu menanggung hutang itu sebagai syarat pengambilalihan 51 peratus ekuiti dalam Perwaja.

Beliau berkata, baki 49 peratus ekuiti dalam Perwaja akan dipegang oleh kerajaan, termasuk 19 peratus oleh kerajaan Terengganu.

Mengulas soal itu, Perdana Menteri berkata, disebabkan tidak ada pihak lain sanggup mengambil ekuiti dalam Perwaja, kerajaan terpaksa memegang sebahagian daripada sahamnya walaupun tidak sebagai pemegang saham majoriti.

"Maju akan menguruskan Perwaja dan sebagai pemegang saham majoriti. Ia sudah diputuskan dan bukannya sensitif. Orang yang mengurus juga akan mengambil alih kilang itu," katanya.

(END)